

**Padankan jawapan yang betul.**

**SITUASI**

1) Abang sentiasa menyentuh bahagian dada Siti semasa bergurau. Siti berasa tidak selesa dan sentiasa menegur tindakan abangnya namun tidak dihiraukan oleh abangnya.

2) Ayah sentiasa melakukan penderaan seksual ke atas Ain setelah ibunya meninggal dunia. Ain berasa takut dan tertekan kerana sering diperlakukan sebegitu.

3) Jamilah tinggal bersama datuknya setelah ibubapanya meninggal dunia. Jamilah sering dicabul dan dirogol oleh datuknya. Jamilah berasa tertekan kerana diperlakukan sedemikian. Datuknya mengugut untuk mencederakan Jamilah jika memberitahu kepada sesiapa.

**TINDAKAN**

**Laporkan kepada pihak polis**

**Laporkan kepada guru atau orang yang dipercayai**

**Laporkan kepada ibubapa**